



KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 13 APRIL 2020

STATUS TERKINI KES DISAHKAN COVID-19 YANG TELAH PULIH

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan bahawa terdapat **168** kes yang telah pulih dan dibenarkan discaj pada hari ini. Ini menjadikan jumlah kumulatif kes yang telah pulih sepenuhnya dari COVID-19 dan telah discaj daripada wad adalah sebanyak **2,276** kes (47.23 peratus daripada jumlah keseluruhan kes). **Sekali lagi, bilangan kes yang didiscaj hari ini juga adalah melebihi bilangan kes baharu yang dilaporkan.**

STATUS TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA.

Sehingga 13 April 2020 pukul 12:00 tengah hari, terdapat **134** kes baharu yang telah dilaporkan. Ini menjadikan jumlah kes positif COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak **4,817** kes. Oleh itu, setelah kes kumulatif ditolak dengan kes discaj dan kematian, **jumlah kes aktif dengan kebolehjangkitan COVID-19 adalah 2,464 kes.** Mereka telah diasingkan dan diberi rawatan.

Sehingga kini, seramai **66 kes positif COVID-19 sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU).** Daripada jumlah tersebut, 36 kes memerlukan bantuan pernafasan.

Daripada maklumat terkini yang dilaporkan ke *Crisis Preparedness and Response Centre* (CPRC) Kebangsaan, dukacita dimaklumkan bahawa terdapat pertambahan **satu (1)** lagi kes kematian berkaitan COVID-19. Justeru, jumlah kumulatif kes kematian COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak **77 kes** (1.6 peratus daripada jumlah keseluruhan kes):

- Kes kematian ke-77 (kes ke-2797) merupakan lelaki warganegara Malaysia berumur 62 tahun dan mempunyai latar belakang penyakit jantung, darah tinggi dan penyakit buah pinggang. Beliau merupakan peserta perhimpunan di Seri Petaling. Beliau telah dirawat di Hospital Melaka pada 31 Mac 2020 dan disahkan meninggal dunia pada 13 April 2020 jam 9.15 pagi.

KKM mengucapkan takziah kepada ahli keluarga mereka.

KLUSTER PERSON UNDER INVESTIGATION (PUI) BALI

Susulan aktiviti tertumpu (*targeted approach*) yang telah dijalankan oleh KKM melalui pengesanan, penyaringan, ujian ke atas kumpulan sasaran yang berisiko tinggi, pihak KKM telah mengenalpasti dua (2) sub-kluster saling berkaitan di Kuantan.

Kluster *Person Under Investigation* (PUI) Bali di Kuantan ini adalah satu kluster yang melibatkan golongan pesakit dan beberapa anggota kesihatan dari sebuah pusat perubatan di Kuantan. Sehingga 13 April 2020, 20 orang telah dikenalpasti di dalam kluster ini, iaitu:

- 14 orang sedang dirawat di wad Hospital Tengku Ampuan Afzan (HTAA), Pahang;
- dua (2) orang telah sembuh;
- tiga (3) orang dirawat di unit rawatan rapi;
- seorang telah meninggal dunia (kes ke-1575).

Daripada keseluruhan jumlah tersebut, terdapat tiga (3) anggota kesihatan yang terlibat dalam kluster ini.

Kes indeks (iaitu kes ke-4684) bagi kluster ini mempunyai sejarah perjalanan ke Bali, Indonesia. Beliau kemudiannya mempunyai kontak rapat dengan kes ke-1575 (iaitu abang kepada kes indeks). Kes ke-1575 kemudiannya telah menjangkiti 7 kes generasi kedua dan 11 kes generasi ketiga.

Terdapat 339 kontak rapat telah dikenalpasti dan ujian saringan COVID-19 telah dijalankan, termasuk 202 anggota kesihatan.

NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19

KKM ingin menasihatkan Rakyat Malaysia agar memainkan peranan masing-masing dalam menangani pandemik ini. Demi kesihatan dan kesejahteraan semua, adalah amat penting supaya masyarakat patuh kepada Perintah Pergerakan Kawalan (PKP) di Malaysia.

Rakyat Malaysia disarankan untuk duduk di rumah dan amalkan jarak sosial yang selamat (*social distancing*) sekurang-kurangnya 1 meter dari orang lain. Teruskan amalan kebersihan diri yang tinggi misalnya kerap mencuci tangan dengan menggunakan air dan sabun, amalkan gaya hidup sihat dan pemakanan yang seimbang.

KKM akan terus memantau perkembangan kejadian COVID-19 melalui segala maklumat yang diperolehi dan akan dimaklumkan kepada rakyat dari semasa ke semasa.

Sekian, terima kasih.

DATUK DR. NOOR HISHAM ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

13 April 2020 @ 5.00 petang

LAMPIRAN 1**BILANGAN KES COVID-19 MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA
(SEHINGGA 13 APRIL 2020, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

| NEGERI | BILANGAN KES BAHARU | BILANGAN KES KUMULATIF |
|---------------------------|------------------------------------|---------------------------------------|
| PERLIS | 0 | 17 |
| KEDAH | 0 | 93 |
| PULAU PINANG | 0 | 116 |
| PERAK | 3 | 247 |
| SELANGOR | 13 | 1,249 |
| NEGERI SEMBILAN | 42 | 360 |
| MELAKA | 0 | 144 |
| JOHOR | 21 | 579 |
| PAHANG | 0 | 225 |
| TERENGGANU | 4 | 106 |
| KELANTAN | 2 | 154 |
| SABAH | 14 | 280 |
| SARAWAK | 6 | 348 |
| W.P. KUALA LUMPUR | 27 | 830 |
| W.P. PUTRAJAYA | 2 | 54 |
| W.P. LABUAN | 0 | 15 |
| JUMLAH KESELURUHAN | 134 | 4,817 |